

Banjir di Sarawak, Sabah beransur pulih

KUALA LUMPUR – Keadaan banjir di Sabah dan Sarawak beransur pulih berikutan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di dua negeri itu menurun semalam.

Di Sabah, jumlah mangsa menurun kepada 614 orang berbanding 1,233 orang, manakala di Sarawak jumlah mangsa berkurangan kepada 1,099 orang daripada 1,684 mangsa. Bagaimanapun di Kelantan, jumlah mangsa tidak berubah.

Di **Kota Kinabalu**, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Beaufort berkata, sebuah pusat pemindahan sahaja beroperasi di daerah berkenaan iaitu di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gadong yang menempatkan 58 mangsa, manakala pusat pemindahan di Dewan Baru Membakut merekodkan jumlah mangsa 314 orang.

Di **Kuching**, jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak menjelaskan, bahagian Samarahan masih mencatatkan jumlah mangsa paling ramai iaitu 490 orang, Limbang (460), Miri (83) dan Mukah (66).

Sementara itu di **Kota Bharu**, jurucakap MKN Kelantan berkata, kesemua mangsa membabitkan 62 keluarga masih ditempatkan di lapan pusat pemindahan di Kuala Krai. – Bernama